

TARIKH	JUMAAT, 3 FEBRUARI 2023
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	PM USUL MALAYSIA MADANI JADI PANDUAN DASAR
M/S	5
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	

## PM usul Malaysia MADANI jadi panduan dasar

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengusulkan supaya konsep Malaysia MADANI dijadikan sebagai jalan ke depan untuk Malaysia serta masyarakatnya yang terdiri pelbagai kaum dan budaya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan pasti akan berusaha supaya nilai yang diterapkan melalui konsep Malaysia MADANI itu dapat digerakkan serta dilaksana sebaiknya.

Beliau melalui muat naik sama di Facebook dan Twitter, turut berkongsi mengenai rasional logo Malaysia MADANI de-

ngan reka bentuk seakan tapak tangan dan diasaskan empat warna Jalur Gemilang itu.

Berdasarkan maklumat tertera, Malaysia MADANI digambarkan sebagai panduan dan ikhtiar secara bersepadu dan holistik sebagai dasar pentadbiran yang lebih manusiawi.

Malaysia MADANI bertunjukkan sikap saling menghormati, meraikan kepelbagaian dan menjadi medan dialog peradaban.

Kerangka Malaysia menjadi pemacu kewujudan masyarakat maju dan bertamadun berdasar-

kan ilmu pengetahuan, tradisi, khazanah dan kearifan tempatan.

Konsep Malaysia MADANI diperkenalkan Perdana Menteri sebagai usaha mengemudi serta mengangkat semula martabat dan kegemilangan negara di persada dunia.

Ia berteraskan enam rukun iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.

### Diperluas ke ASEAN

Dalam pada itu, Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi

Fadzil berkata konsep Malaysia MADANI digagaskan Perdana Menteri boleh diperluaskan ke peringkat ASEAN untuk memacu pembangunan serantau.

Malah, beliau percaya ASEAN madani juga boleh menjadi satu realiti jika blok serantau 10 negara dengan penduduk lebih 660 juta penduduk itu dapat memacu pertumbuhan negara masing-masing secara kolektif.

"Malaysia MADANI ini bagi saya adalah satu pengharapan dan satu doa supaya kita boleh menzahirkan sebuah Malaysia yang lebih baik. Ada juga aspek

peranan hubungan kita dengan negara jiran.

"Malaysia sahaja untuk maju ke depan seorang diri mungkin tak mampu, tetapi kalau kita berkolaborasi dan bekerjasama, lihat kekuatan kita, bagaimana kita boleh memacu pertumbuhan dalam negara masing-masing secara kolektif dalam kerangka ASEAN," katanya ketika sesi rakaman program *Ruang Bicara di Bernama TV*.

Fahmi mengakui ia satu cabaran besar memandangkan setiap negara ASEAN mempunyai keadaan yang berbeza.